

Bantah terbang balak di kawasan tadahan

» Penduduk dakwa bekalan air bersih terjejas sejak enam bulan

Oleh Ramli Ibrahim
bhkb@bh.com.my

■ Gua Musang

Kira-kira 1,000 penduduk di Kampung Star Baru dan Kala, dekat sini, membantah kegiatan pembalakan di kawasan tadahan air bukit di kampung berkenaan yang menyebabkan keperluan air bersih untuk mereka terjejas teruk sejak enam bulan lalu.

Mereka juga bimbang apabila kerja pembalakan, kawasan itu pula akan dijadikan ladang sawit yang boleh memusnahkan kawasan tadahan air bukit itu untuk selama-lamanya.

Penduduk ketika ditemui berkata, masalah itu pernah berlaku sebelum ini menyebabkan mereka terpaksa menanggung derita untuk mendapatkan bekalan air bersih sehingga beberapa tahun sebelum dibina tadahan air baharu.

Perbelanjaan bagi pembinaan tadahan air bukit secara gotong-royong itu dianggarkan sebanyak

RM83,000 dan kini berulang pula kejadian sama hingga air bukit menjadi kuning dan berselut.

Penduduk, Rawi Mohd Noor, 48, mendakwa penduduk di dua kampung berkenaan mengharapkan sumber air bersih dari air tadahan bukit terletak tidak jauh dari kampung itu.

Masalah berpanjangan

Beliau berkata, jika pihak berkenaan tidak mengambil langkah

segera untuk menghalang kerja pembalakan dan pembukaan ladang kelapa sawit di kawasan itu, ia akan menimbulkan masalah berpanjangan kepada penduduk untuk mendapatkan sumber air bersih.

Katanya, masalah itu sudah dibangkitkan kepada pelbagai pihak sebelum ini termasuk syarikat pembalakan, perladangan dan kerajaan, namun tidak dihiraukan sampai sekarang.



Mazlan Mohamad

“Sekarang saya tidak tergamak minum dan memasak air bukit kerana kotor dan berselut, lebih-lebih lagi jika hujan lebat,” katanya.

Mazlan Mohamad, 47, berkata,



Rawi Mohd Noor

penduduk bergotong royong hampir setiap bulan untuk membersihkan kawasan tadahan air itu bagi mengelakkan saluran tersumbat dengan tanah dan pasir.

“Sepatutnya pihak terbabit (syarikat pembalakan dan perladangan sawit) fikirkan masalah penduduk yang sekian lama bergantung kepada sumber air tadahan di bukit itu dan berbingcang supaya masalah itu dapat diselesaikan bersama.

Tak hirau keperluan asas penduduk

“Apa yang kami perhatikan kegiatan pembalakan dan perladangan itu hanya mahu mencari keuntungan untuk syarikat sahaja tanpa menghiraukan keperluan asas penduduk,” katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nenggiri, Datuk Mat Yusoff Abd Ghani, ketika dihubungi berkata, pihaknya memandang serius mengenai apa yang berlaku itu.

Bagaimanapun, beliau menasihatkan penduduk jangan bertindak di luar batasan undang-undang kerana masih ada ruang untuk berbincang dengan pihak terbabit.



Balak dikumpulkan di kawasan tadahan air bukit.

[FOTO RAMLI IBRAHIM/BH]